

05 APRIL 2018

## Tiga rakan edar Eramin 5 dihukum gantung

### Tiga rakan edar Eramin 5 dihukum gantung

[FOTO SADDAM YUSOFF/BH]



Fu Tai (dua dari kiri), Chi Wen dan Chee Seng dibawa keluar dari Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur, selepas dijatuhkan hukuman semalam.

**Kuala Lumpur:** Tiga lelaki dihukum gantung oleh Mahkamah Tinggi di sini, semalam, selepas didapati bersalah atas pertuduhan mengedar lapan kilogram (kg) dadah jenis Nimetazepam (Eramin 5) yang ditemui dalam 191 gulungan kain, tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Azman Abdullah memutuskan demikian, terhadap dua warga Taiwan, Wong Fu Tai, 22, dan Chen Chi Wen, 20, serta rakyat Malaysia, Cheah Chee Seng, 58, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah pada akhir kes pembelaan.

Mengikut pertuduhan, ketiga-tiga tertuduh didakwa bersama-sama mengedar dadah Nimetazepam seberat 8.17 kg di Triple A Nine Enterprise, 86-88 LG, Wisma Peng Wah, Jalan Bukit Bintang, pada jam 10.50 malam, 30 April 2015.

Semua tertuduh yang masing-masing kenalan didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 39B(2) akta sa-

ma, yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati, jika sabit kesalahan.

#### Tertuduh diwakili peguam

Fu Tai dan Chi Wen masing-masing diwakili peguam Richard Ho dan Kee Wei Lon, manakala tertuduh ketiga, Chee Seng diwakili peguam KC Hue.

Terdahulu, Wei Lon dalam mitigasinya memohon mahkamah menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan 15 sebatan terhadap anak guamnya, dengan alasan tertuduh memberi maklumat berkaitan aktiviti pengedaran dadah di dalam dan luar negara kepada pihak berkuasa dalam melumpuhkan kegiatan haram itu, bagaimanapun ia dibantah Timbalan Pendakwa Raya, Azeeki Nor-din.

Sepanjang prosiding perbicaraan kes yang bermula pada 11 April 2016, pihak pendakwaan memanggil 16 saksi, manakala pembelaan memanggil tiga saksi iaitu, semua tertuduh untuk memberi keterangan.